

19/07/2000

Duta baru mahu pererat hubungan Malaysia-Indonesia

Nazar Abdul

PELANTIKAN Drs Hadi A Wayarabi Alhadar, 58, sebagai Duta Besar Indonesia yang baru ke Malaysia mulai 21 Jun lalu membuka lembaran baru bagi hubungan antara kedua-dua negara.

Bekas Pengarah Hal Ehwal Asia Pasifik Kementerian Luar Indonesia itu menggantikan Yaacob Dasto yang tamat tempoh perkhidmatannya Julai tahun lalu.

Drs Hadi mewakili kerajaan baru Indonesia yang diterajui Presiden Abdurrahman Wahid atau Gus Dur untuk berusaha mengeratkan lagi hubungan yang sudah sekian lama terjalin.

"Ini adalah satu penghormatan besar dan saya sangat gembira dapat bertugas di Malaysia," katanya dalam satu temubual.

Tugas Drs Hadi kini lebih mencabar kerana Indonesia Baru sedang dalam proses reformasi dari segi politik, ekonomi, undang-undang dan sosial setelah melalui zaman Orde Lama dan Orde Baru selama 32 tahun.

"Kerajaan Indonesia daripada Presidennya hingga pegawai sedang berusaha memperbaiki sistem pemerintahan dan pengurusan yang ada supaya dapat mewujudkan Indonesia Baru yang lebih baik bagi rakyat," katanya.

Kerajaan Indonesia berusaha melaksanakan dasar dan sistem baru bagi memperbaiki keadaan politik dan ekonomi sambil reformasi yang diinginkan rakyat turut tidak diketepikan.

Drs Hadi berharap dengan hubungan erat antara Indonesia dan Malaysia, proses pemulihan di republik berkenaan dapat dipercepatkan demi kestabilan di rantau ini.

Indonesia Baru yang aman dan stabil sangat penting bagi negara serantau. Sebagai sebuah negara besar yang mempunyai 220 juta penduduk, apa juga pergolakan dan konflik di negara itu pastinya menimbulkan kebimbangan.

Hubungan erat Malaysia-Indonesia dapat dilihat dengan kunjungan antara pemimpin tertinggi kedua-dua negara. Pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Gus Dur, diadakan setiap enam bulan secara bergilir antara Kuala Lumpur dan Jakarta selain ketika menghadiri forum atau persidangan antarabangsa.

Hubungan erat ini juga terbukti dengan kesediaan Malaysia menerima ramai rakyat Indonesia bekerja di negara ini dalam pelbagai sektor pembangunan. Malaysia dan Indonesia juga mempunyai hubungan dan kerjasama erat dalam bidang ekonomi, pendidikan, industri dan kebudayaan.

"Kami juga ingin Malaysia membantu Indonesia dalam bidang yang negara ini lebih maju seperti Teknologi Maklumat (IT)," kata Drs Hadi.

Indonesia juga mahukan pelabur Malaysia segera melabur di republik itu dalam pelbagai bidang supaya dapat membantu mempercepatkan pemulihan ekonominya.

Untuk melabur di negara itu, soalan utama yang selalu diajukan ialah adakah Indonesia selamat untuk pelaburan?

Drs Hadi memberi jaminan ia tetap selamat kerana kerajaan sudah mengambil pelbagai langkah untuk kepentingan pelabur.

Malaysia diharapkan melabur dalam bidang perladangan, perikanan dan agrobisnes hasil pelbagai peluang yang ditawarkan oleh Indonesia, yang turut menarik minat pelabur dari Amerika Syarikat, Jepun, China dan Taiwan.

Selain itu, Drs Hadi sedang berusaha untuk meminta Malaysia memberi pertimbangan kepada kemasukan lebih ramai warga Indonesia bekerja di negara ini.

"Ramai rakyat Indonesia ingin mencari rezeki yang halal di Malaysia kerana mereka tahu kebanyakan penduduk Malaysia bercakap bahasa Melayu dan beragama Islam," katanya.

Beliau tidak menafikan kemasukan pendatang tanpa izin dari Indonesia menjadi masalah bagi kedua-dua negara dan satu cara mengatasinya ialah melalui gerakan pemutihan.

Mengenai isu pencerobohan kawasan balak di sempadan kedua-dua negara, Duta Besar Indonesia itu yakin ia dapat diselesaikan secepat mungkin dengan baik.

Suruhanjaya Bersama Sempadan adalah satu saluran untuk menyelesaikan masalah seperti ini. Bagaimanapun, sebarang dakwaan membabitkan pencerobohan daripada kedua-dua belah pihak perlu disiasat terlebih dahulu.

Drs Hadi percaya dalam masalah ini ada pihak tertentu yang sengaja membesar-besarkan isu pencerobohan bagi menjejaskan hubungan baik antara Malaysia-Indonesia.

"Apa yang penting kita siasat dulu kes ini dan jika ada orang yang didapati bersalah, kita akan kenakan hukuman," tegasnya.

Mengenai masalah media asing yang sering memberi gambaran negatif terhadap Indonesia, beliau menegaskan ia tidak dapat dielakkan kerana sesetengahnya ada agenda tertentu terhadap negara itu.

Bagaimanapun, katanya, masyarakat mula bosan dengan laporan media asing yang tidak tepat selain sudah nampak niat sebenar laporan berkenaan, tambahan apabila Gus Dur dan kerajaan pimpinannya tidak henti-henti dikritik.

"Kerajaan sekarang lebih terbuka untuk menerima kritikan membina demi kepentingan rakyat," kata Drs Hadi.

(END)